

PPM tahan sebuah bot pukat tunda langgar syarat menangkap ikan

Oleh: JAINUDIN DJIMIN

LABUAN: Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Persekutuan Labuan menahan sebuah bot pukat tunda serta merampas hasil tangkapan bernilai RM240,000 selepas didapati melanggar syarat sah lesen tangkapan di kawasan perairan Laut Jahat Shoal dekat sini, kelmarin.

Komander Polis Marin Wilayah 4 Sabah, Assistan Komisioner Pajeri Ali berkata, bot berkenaan bersama tujuh juragannya di tahan kira-kira jam 2 petang oleh bot peronda RH 19 yang melakukan rondaan Op Gelora.

"Hasil daripada pemeriksaan lanjut mendapati dua daripada tujuh juragan bot itu tidak mempunyai dokumen pengenalan diri," katanya dalam satu kenyataan ringkas di sini, kelmarin.

Beliau berkata, bot berkenaan telah dibawa ke jeti PPM Labuan untuk diserahkan kepada Jabatan Perikanan dan laporan polis turut dibuat untuk tindakan selanjutnya.



DITAHAN ... Juragan bot berkenaan yang ditahan oleh PPM.

Tambahnya, kesemua mereka akan di- Perikanan 1985 dan Akta Imigresen dakwa di bawah Seksyen 8(b) Akta 1959/63.


Jokowi turut jalani pemeriksaan bersama seluruh jemaah menteri

JAKARTA: Presiden Joko Widodo (Jokowi) turut menjalani pemeriksaan kesihatan berkaitan COVID-19, bersama seluruh jemaah

Jurucakap Pemerintah Indonesia berkaitan COVID-19, Achmad Yurianto berkata 21 lagi kes baharu virus itu dikesan kelmarin berbanding 96

"Saya meminta seluruh penduduk Indonesia tidak panik dan tetap produktif. Saatnya bekerja dari rumah, belajar dari rumah dan ibadah dari

Baswedan dalam satu kenyataan semalam menyatakan peraturan ganjil genap (peraturan plat nombor kenderaan ganjil dan genap bagi meng-



BOT NELAYAN ... Sebuah bot nelayan ditahan oleh bot peronda RH 19 PPM di Laut Jahat Shoal, petang kelmarin.

Warga Ipoh rasai tempias fenomena ikan murah Kuala Muda

IPOH: Fenomena lambakan ikan di negeri-negeri utara khususnya Kedah sehingga menyebabkan hasil laut itu dijual pada harga 50 sen sekilogram turut memberi tempias kepada warga Perak, khususnya di bandaraya ini.

Penduduk negeri ini khususnya Ipoh tidak melepaskan peluang untuk mendapatkan lambakan ikan kembung segar yang dibawa dari Kuala Muda, Kedah dan dijual pada harga sangat murah iaitu RM10 untuk 3kg.

Inisiatif membawa ikan kembung dari Jeti Kuala Muda dan menjualnya di sini dibuat oleh seorang pengusaha restoran, Khairul Adnan Hamid, 32, kerana ingin memberi peluang kepada orang ramai mendapatkannya dengan harga murah.

"Bermula Selasa lepas, saya pergi suka-suka beli 20kg, tetapi disebabkan ramai yang nak, pada Rabu saya bawa balik 1.5 tan dan tambah 2.5 tan pada Khamis yang dijual di Bandar Meru Raya, Kampung Manjoi dan Taman Perpaduan. Semuanya habis dalam masa 20 minit sahaja.

"Saya jual pada harga murah kerana ingin berkongsi dan bersedekah kepada warga Perak," katanya ketika ditemui Bernama di lokasi jualan di Bandar Meru Raya, pada Sabtu.

Khairul Adnan berkata pada Sabtu, beliau bersama beberapa rakan bertolak seawal pukul 6.00 pagi ke Kuala Muda dan membawa balik sembilan tan ikan kembung yang kemudian dijual di tujuh lokasi sekitar Ipoh termasuk Tapak Pasar Malam Pengkalan Pegoh, Pasar Ikan Segar Kampung Tengku Husin dan di Bandar Baru Putra bermula seawal 5.30 petang.

Penjualan ikan itu akan diteruskan selagi terdapat bekalan serta permintaan dan akan dihebahkan dalam laman Facebook peribadinya Tuan Denan.